



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**IKLAN KEKOSONGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BAGI MATA
PELAJARAN HIFZ AL-QURAN DI KOLEJ MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. JAWATAN KOSONG

- 1.1 Jawatan : Pensyarah (Akademik)
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Gred DG44/DG48/DG52/DG54 (KUJ)
- 1.2 Jabatan/Kementerian : Kolej Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia
- 1.3 Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- 1.4 Klasifikasi Perkhidmatan : Pendidikan

2. SYARAT-SYARAT UMUM

- 2.1. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG44/ DG44(KUP)/ DG48(KUP) yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan **dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)**;
- 2.2. Markah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT/ PBPPP) sekurang-kurangnya 85 % bagi tahun 2021, 2022 dan 2023;
- 2.3. Bebas daripada tindakan tatatertib;
- 2.4. Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh 5 tahun;
- 2.5. Sihat fizikal dan tidak mempunyai sakit kronik; dan
- 2.6. Bebas daripada senarai peminjam tegar pinjaman pendidikan institusi/ tabung Pendidikan.

3. SYARAT-SYARAT KHUSUS

Jawatan: Pensyarah Akademik

- 3.1. Mempunyai kelulusan akademik dari Universiti Awam/ Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia seperti berikut:

- i. **Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Tahfiz al-Quran; atau**
- ii. **Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam SERTA Diploma dalam bidang Tahfiz al-Quran**

- 3.2. Sedia berkhidmat di kolej matrikulasi yang ditawarkan **sekurang-kurangnya 3 tahun**; dan
- 3.3. Diperaku oleh Ketua Jabatan.

4. CARA MEMOHON

4.1. Tindakan Pemohon

- 4.1.1. Calon hendaklah menggunakan Borang Permohonan seperti di **Lampiran B1 (Pensyarah Akademik)**;
- 4.1.2. Mencetak maklumat permohonan **secara depan belakang**, mengepilkan maklumat berdasarkan senarai semak dan mengemukakan permohonan kepada Ketua Jabatan bagi tujuan sokongan;
- 4.1.3. Permohonan hendaklah dihantar melalui dua (2) medium seperti berikut:
 - 4.1.3.1 Memuat naik maklumat dan borang yang lengkap di pautan: <https://forms.gle/AQyXbonnVWw63zrfL9>
 - 4.1.3.2 Mengemukakan borang permohonan dan dokumen sokongan ke alamat berikut selewat-lewatnya **sebelum atau pada 6 September 2024 (Jumaat)** ke alamat seperti berikut:

**Pengarah
Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 6 & 7, Blok E15, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p.: Unit Perkhidmatan, Saraan dan Perjawatan)**

- 4.1.4. Permohonan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan atau tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan akan ditolak oleh Bahagian ini dan tidak akan diproses.

5. LAIN-LAIN

- 5.1. Sebarang pertanyaan boleh dibuat di talian telefon 03-8884 4067/ 4078;
- 5.2. Tarikh tutup permohonan adalah pada **6 September 2024 (Jumaat)**;
- 5.3. Hanya calon-calon yang memenuhi kriteria dan melepasi tapisan sahaja akan dipanggil temuduga;
- 5.4. Calon-calon yang tidak dihubungi selepas 6 bulan dari tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya dan tiada surat makluman akan dikeluarkan kepada calon; dan
- 5.5. Segala perbelanjaan menghadiri temu duga seperti kos penginapan, pengangkutan dan makan minum adalah di bawah tanggungan calon sendiri.

Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia
6 Ogos 2024